

EK

ECONEWS

PERODUA MESTI MENEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA, KATA PM
(Embargo: untuk siaran selepas 10.00 malam)

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Kereta Perodua Kancil mesti mampu menembusi pasaran antarabangsa walaupun saingannya besar, demikian kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

Berucap di majlis pelancaran kereta Perodua Kancil, Dr Mahathir berkata pengurangan kos harus menjadi objektif utama kereta tersebut supaya ia dapat menjamin daya saingannya di pasaran antarabangsa.

Katanya eksport kereta Perodua Kancil boleh membantu dalam imbalan bayaran negara dengan pengaliran masuk matawang asing ke dalam negara.

"Hasrat untuk menerokai pasaran asing perlu dirancang dengan teliti supaya tidak gagal kerana sekali kita gagal adalah sukar untuk dipulihkan semula," tegas beliau.

Perdana Menteri juga menasihati Perodua supaya berusaha untuk meningkatkan komponen tempatan dalam industri kereta nasional kerana ini akan menjamin harga kereta yang kompetitif serta menstabilkan kos.

Dr Mahathir menambah usaha untuk meningkatkan komponen tempatan mesti diteruskan sehingga mencapai tahap 100 peratus kerana ia akan dapat mengatasi masalah kenaikan nilai Yen.

"Oleh itu, pihak pengurusan PERODUA (Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd) perlu melakukan sesuatu supaya penggunaan komponen tempatan boleh menolong mengawal kos kereta keseluruhannya.

"Untuk ini, mungkin rakan kongsi yang mempunyai teknologi, dipilih dengan teliti supaya kos pemindahan teknologi tidak menjadi beban dan kos pengurusan juga boleh menurun," katanya lagi.

Beliau juga menggesa PERODUA supaya tidak berharap kepada pengurangan cukai secara istimewa daripada kerajaan untuk mendapatkan keuntungan.

Katanya sistem pengeluaran, mencari punca komponen yang termurah, kecekapan kerja serta pengurusan dan pengawasan perbelanjaan yang rapi adalah antara cara-cara untuk mengurangkan kos dan meningkatkan keuntungan.

Perdana Menteri berkata industri kereta di negara lain tidak bergantung kepada perlindungan kerajaan selama-lamanya tetapi mereka dapat mengeluarkan dan menjual kereta dengan harga yang murah serta kualiti yang tinggi.

"Apabila kita sudah menguasai sepenuhnya teknologi membuat kereta, maka kita juga harus mampu mengurus industri ini tanpa perlindungan," katanya sambil menambah bahawa PERODUA perlu berwaspada kerana persaingan dan rintangan akan meningkat dengan kewujudan teknologi dan rekacipta yang baru serta canggih.

Dr Mahathir berkata kereta Perodua Kancil mesti menggunakan segala kelebihannya untuk membuktikan akan nilainya sebagai Otomobil Nasional Kedua kepada masyarakat Malaysia. -- Bernama